

# Semua pihak digesa perkukuh industri pelancongan

BH 26 JUN 2007

KUALA LUMPUR, Isnin — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini menggesa semua pihak memainkan peranan bagi memastikan industri pelancongan negara terus kukuh, berikutan saingan hebat negara lain dalam sektor itu.

Perdana Menteri berkata, mereka perlu sanggup bekerjasama dan mengeluarkan perbelanjaan bagi memastikan program penggalakkan pelancongan yang dirancang kerajaan berjaya.

"Lebih banyak pelancong yang datang, lebih banyak pendapatan yang diperoleh negara dan semua pihak akan menikmati kekayaan ini.

"Apabila kita membelanjakan wang, peliknya wang itu akan kembali kepada kita," katanya berucap pada majlis Jamuan Makan Malam Dan Perbincangan Bersama Perdana Menteri di sini.

Hadir sama, isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir, Menteri Belia dan Sukan, Datuk Hishammuddin Tun Hussein dan

Datuk Bandar Kuala Lumpur, Tan Sri Kamaruzaman Shariff.

Majlis itu juga dihadiri semua pihak yang terbabit dalam sektor pelancongan dari seluruh negara termasuk wakil kerajaan negeri.

Sebagai permulaan, Perdana Menteri menggesa semua pemilik bangunan di ibu negara menyalakan lampu pada waktu malam, bermula 17 Ogos hingga pertengahan September, sempena Bulan Kemerdekaan.

Katanya, ini bertujuan menjadikan Kuala Lumpur lebih bercahaya dan indah pada waktu malam.

Dr Mahathir berkata, Tenaga Nasional Berhad (TNB) bersetuju menawarkan potongan 50 peratus kepada pemilik bangunan bagi penggunaan elektrik melebihi kadar biasa.

"Saya berharap semua pihak akan memberi kerjasama," katanya sambil berharap Kuala Lumpur akan kelihatan indah seperti New York pada waktu malam.

Perdana Menteri juga menggesa syarikat korporat, khususnya syarikat minyak supaya menyumbang bendera kepada pemandu untuk dikibarkan pada kenderaan masing-masing.

"Kita mahu mengwujudkan suasana sambutan hari kemerdekaan yang ceria," katanya.

Menjawab soalan pada sesi dialog, Perdana Menteri berkata, beliau bersetuju kadar sewa hotel bertaraf lima bintang dinaikkan tetapi perkhidmatan yang ditawarkan harus setaraf kadar yang dikenakan.